

PEMBATALAN

5. Dengan berkuatkuasa pekeling ini maka pekeling terdahulu berkaitan Skim Perkhidmatan Akademik UPM yang sedia ada adalah dibatalkan.


TARIKH KUATKUASA

6. Tarikh Kuatkuasa Skim Perkhidmatan Akademik (Dalaman) di UPM yang baharu ini adalah pada 1 September 2008.

Sekian, terima kasih

“BERILMU BERBAKTI”

Yang benar,



(WAN AZMAN BIN WAN OMAR)

Pendaftar

Universiti Putra Malaysia

Edaran : Timbalan-timbalan Naib Canselor UPM
Bendahari
Ketua Pustakawan
Dekan-dekan Fakulti/ Sekolah
Pengarah-pengarah Akademi/ Institut/ Pusat
Pengetua-pengetua Kolej
Ketua-ketua Bahagian/ Pusat/ Taman

Salinan : YBhg. Datuk Naib Canselor UPM

Skim Perkhidmatan Akademik UPM Yang Sedia Ada Dan Baharu

Bil	Nama Skim		Cadangan Kod	Bayaran Honorarium/ Imbuan Bulanan	
	Lama	Baru		Lama	Baru
i.	Pensyarah (Kontrak)	Dikekalkan	DS (seperti kod JPA)	Bersandarkan kepada Skim Perkhidmatan Pensyarah, sebagaimana yang berkuat kuasa.	
ii.	Tenaga Pelawat	Digugur dan diserap dalam Skim Pensyarah (Kontrak)			
iii.	Pengajar Khas	Dikekalkan	UDK	Taraf Profesor - RM8000.00 Taraf P/Madya - RM6000.00 Taraf P.Kanan - RM5000.00 Taraf Pensyarah - RM4000.00	UDK7 - RM8000.00 UDK8 - RM6000.00 UDK9 - RM5000.00 UDK10 - RM4000.00 (Fix all in)
iv.	Tenaga Bersekutu (Adjunct)	Tenaga Adjung	UDJ	Profesor Bersekutu - RM2000.00 Profesor Madya Bersekutu - RM1500.00 Pensyarah Bersekutu - RM1,000.00	UDJ (Profesor) - RM 2000.00 UDJ (Profesor Madya) - RM 1500.00 UDJ (Pensyarah) - RM 1,000.00 (Fix all in)
v.	Sarjana Tamu	Dikekalkan	UDT	Saguhati RM 3000.00 dan Imbuan Tetap (Perumahan RM500)	RM 3500.00
vi.	Felo Penyelidik	Dikekalkan	UDQ	Penyelidik Utama - Setara VK5, VK 6 atau VK7 Penyelidik Kanan - Setara Gred 54 Penyelidik - Setara Gred 52	UDQ5 - RM18 000.00 UDQ6 - RM16 000.00 UDQ7 - RM14 000.00 UDQ8 - RM9000.00 UDQ9 - RM8000.00 (Fix all in)
vii.	Felo Perunding	Dikekalkan	UDC	Perunding Utama - Mengikut VK5, dan VK 6 Perunding Kanan - Mengikut VK7 Perunding - Mengikut Gred 54	UDC5 - RM18 000.00 UDC6 - RM16 000.00 UDC7 - RM14 000.00 UDC8 - RM9 000.00 (Fix all in)
viii.	Kursi	Dikekalkan	UDI	Mengikut gaji dan elaun yang diterima oleh Profesor atau honorarium yang akan diputuskan oleh JKP/ PPU	Honorarium akan ditetapkan oleh JKP

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	TUJUAN PELANTIKAN	SYARAT PELANTIKAN	KRITERIA	BIDANG TUGAS	SYARAT PERKHIDMATAN
1.	Felo Perunding (Penempatan di Fakulti)	Skim ini diwujudkan untuk melantik calon-calon yang terkemuka dalam bidang kepakaran untuk memberi perkhidmatan kepada Universiti, dan kepakaran dan pengalaman mereka yang akan dapat memberi faedah dan manfaat kepada Universiti.	i) Diperakukan oleh Jawatankuasa Penilaian di Fakulti ii) Diluluskan oleh Pihak Pengurusan Universiti	Calon-calon adalah terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara. a) Felo Perunding Utama i. Mencapai tahap kecemerlangan yang sangat terkemuka mutunya ii. Memiliki pengalaman yang luas dalam bidang kepakarannya b) Felo Perunding Kanan i. Mencapai tahap kecemerlangan yang sangat terkemuka mutunya ii. Memiliki pengalaman yang luas dalam bidang kepakarannya c) Felo Perunding i. Mencapai tahap kecemerlangan yang istimewa mutunya ii. Memiliki pengalaman yang luas dalam bidang kepakarannya d) Felo Perunding Khas i. Mencapai tahap kecemerlangan yang sangat terkemuka mutunya ii. Memiliki pengalaman yang luas dalam bidang kepakarannya	i) Menjalankan kerja-kerja perundingan dalam bidang kepakarannya ii) Mendapatkan jaringan dan rangkaian hubungan dengan pihak luar iii) Membantu kerja-kerja pengajaran dan perundingan di Fakulti	i) Terma lantikan : Sepenuh masa ii) Tempoh : 1 hingga 3 tahun dan boleh dilantik semula. iii) Imbuhan bulanan : UDC5 - RM18 000.00 UDC6 - RM16 000.00 UDC7 - RM14 000.00 UDC8 - RM 9 000.00 (Fix all in) v) Kemudahan Perubatan : Mengikut kelayakan. v) Tambang Penerbangan : Mengikut kelayakan. vi) Cuti : 30 hari setahun Bagi Felo Perunding Khas Gred UDCK i) Terma lantikan : Sepenuh/sepuluh masa ii) Tempoh : 1 tahun dan boleh dilantik semula iii) Imbuhan bulanan : Honorarium akan ditentukan oleh Jawatankuasa (Fix all in) Kemudahan perubatan : Mengikut kelayakan. iv) Tambang penerbangan : Mengikut kelayakan v) Cuti : Mengikut keperluan dan kelulusan oleh Fakulti

PENAMBAHBAIKAN SKIM PERKHIDMATAN AKADEMIK (DALAMAN) DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	TUJUAN PELANTIKAN	SYARAT PELANTIKAN	KRITERIA	BIDANG TUGAS	SYARAT PERKHIDMATAN
1.	Pensyarah (Kontrak) GRED DS (Penempatan di Fakulti)	Skim ini diwujudkan untuk melantik pegawai yang mempunyai kepakaran untuk menjalankan tugas pengajaran, pembelajaran, perundingan dan penyelidikan.	i) Diperakukan oleh Jawatankuasa Penilaian di Fakulti ii) Diperakukan oleh Jawatankuasa Pemilih (Profesor/Guru) iii) Diluluskan oleh Pihak Pengurusan Universiti / Lembaga Pengarah Universiti.	i) Calon-calun adalah terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara. ii) Tenaga pakar yang mempunyai kepakaran yang sesuai untuk tugas pengajaran, pembelajaran, perundingan dan penyelidikan.	i) Memberi kuliah atas tajuk tertentu kepada pelajar dan staf. ii) Memberi seminar kepada pelajar dan staf. iii) Mengendali atau membantu mengendalikan tugas pengajaran kursus dan membantu dalam penyeliaan pelajar. iv) Memberi pandangan dan nasihat sebagai pakar/perunding. v) Membantu dalam kerja penyelidikan dan perundingan vi) Membantu staf mendapatkan pengiktirafan profesional.	i) Terma lantikan : Sepenuh masa ii) Tempoh : Lantikan pertama 3 tahun dan boleh dilantik semula sehingga tidak melebihi usia 65 tahun. iii) Imbuhan bulanan : Profesor -Mengikuti kelayakan skem Pensyarah Profesor Madya Pensyarah v) Kemudahan Perubatan : Mengikuti kelayakan berdasarkan peraturan semasa yang berkuatkuasa. v) Tambang Penerbangan : Mengikuti kelayakan. vi) Cuti : 30 hari setahun
2.	Pengajar Khas GRED UDK (Penempatan di Fakulti dan Pusat Asasi)	Skim ini diwujudkan untuk melantik pegawai yang mempunyai kepakaran untuk menjalankan tugas-tugas pengajaran dan pembelajaran.	i) Diperakukan oleh Fakulti dan Pusat Asasi melalui Jawatankuasa Penilaian di-Fakulti dan Pusat Asasi. ii) Diluluskan oleh Pihak Pengurusan Universiti.	(i) Calon-calun adalah terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara. (ii) Tenaga pakar dari industri dan individu yang mempunyai kepakaran yang difikirkan sesuai oleh Universiti untuk tugas pengajaran dan pembelajaran. (iii) Bekas pegawai akademik yang mempunyai rekod pengajaran yang cemerlang.	(i) Mengajar sekurang-kurangnya 12 jam seminggu kursus dalam bidang kepakarannya. (ii) Menyelia di peringkat ijazah (jika perlu). (iii) Menyediakan kertas soalan, skema jawapan dan penilaian kursus. (iv) Menghadiri mesyuarat dan aktiviti sebagai ahli turut hadir.	i) Terma lantikan : Sepenuh masa ii) Tempoh : Dua (2) tahun dan boleh dilantik semula sehingga tidak melebihi usia 65 tahun. iii) Imbuhan bulanan : UDK7 - RM 8,000.00 UDK8 - RM 6,000.00 UDK9 - RM 5,000.00 UDK10 - RM 4,000.00 iv) Kemudahan Perubatan : Untuk diri sendiri sahaja sama ada di Klinik Panel atau Hospital Kerajaan. v) Tambang Penerbangan : Kelas Ekonomi sahaja vi) Cuti : 30 hari setahun.

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	TUJUAN PELANTIKAN	SYARAT PELANTIKAN	KRITERIA	BIDANG TUGAS	SYARAT PERKHIDMATAN
3.	Tenaga Adjung GRED UDJ (Penempatan di Fakulti)	Skim ini diwujudkan untuk melantik calon-calon ke dalam perkhidmatan Universiti bagi mendapatkan kepakaran dan pengalaman mereka yang akan dapat memberi faedah dan manfaat kepada Universiti.	<ul style="list-style-type: none"> i) Diperakukan oleh Jawatankuasa Penilaian di Fakulti ii) Diluluskan oleh Pihak Pengurusan Universiti 	<ul style="list-style-type: none"> i) Calon-calon adalah terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara. ii) Calon untuk lantikan di bawah skim ini pada lazimnya hendaklah mempunyai <i>professional standing</i> yang bersesuaian dengan keperluan Universiti. 	Tenaga Adjung akan diberikan tugas pembelajaran yang akan ditetapkan oleh pihak Fakulti termasuk aktiviti pembangunan kurikulum dan pengajaran yang berkaitan dengan kemajuan Fakulti.	<ul style="list-style-type: none"> i) Terma lantikan : Separuh masa ii) Tempoh : Setahun dan boleh dilanjutkan. iii) Imbuan bulanan : UDJ (Profesor) – RM 2,000.00 UDJ (Prof. Madya) – RM 1,500.00 UDJ (Pensyarah) – RM 1,000.00 iv) Kemudahan Perubatan : Tiada
4.	Sarjana Tamu GRED UDT (Penempatan di Fakulti)	Skim ini diwujudkan bagi mendapatkan hasil yang cemerlang dari pegawai akademik dan bukan akademik yang pakar dan berpengalaman dalam bidangnya yang dapat memberi manfaat kepada Universiti.	<ul style="list-style-type: none"> i) Diperakukan oleh Jawatankuasa Penilaian di Fakulti ii) Diluluskan oleh Pihak Pengurusan Universiti 	<ul style="list-style-type: none"> i) Calon-calon adalah terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara yang berusia lebih 65 tahun. ii) Seorang yang terkemuka/ahli/tokoh dalam bidangnya sama ada bidang akademik atau kepakaran. iii) Hendaklah terkenal dan masyarakat Universiti akan mendapat faedah daripada kehadirannya. iv) Berpengalaman dan mencapai kejayaan cemerlang dalam bidangnya. v) Calon-calon adalah terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara. 	<ul style="list-style-type: none"> i) Menyiapkan projek penulisan di dalam tempoh pelantikan. ii) Mengemukakan laporan kemajuan. iii) Memberi ceramah / seminar mengikut keperluan Universiti. 	<ul style="list-style-type: none"> i) Terma lantikan : Sepenuh masa ii) Tempoh : 6 bulan dan boleh dilanjutkan. iii) Imbuan bulanan : RM3,500 sebulan iv) Kemudahan Perubatan : Untuk diri sendiri sahaja sama ada di Klinik Panel atau Hospital Kerajaan. v) Royalti : Universiti akan menyediakan kemudahan yang diperlukan bagi menghasilkan karya dan segala hasil karya yang terhasil dan/ atau dihasilkan akan menjadi hak milik Universiti. Royalti (jika berkenaan) akan dibayar mengikut peraturan yang berkuatkuasa di Universiti ini. vi) Cuti : 30 hari setahun.

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	TUJUAN PELANTIKAN	SYARAT PELANTIKAN	KRITERIA	BIDANG TUGAS	SYARAT PERKHIDMATAN
5.	Felo Penyelidik GRED UDQ (Penempatan di Institut / Pusat / Akademi)	Skim ini diwujudkan untuk melantik calon-calon ke dalam perkhidmatan Universiti bagi mendapatkan kepakaran dan pengalaman mereka yang akan dapat memberi faedah dan manfaat kepada Universiti dalam bidang penyelidikan.	<p>i. Diperakukan oleh Jawatankuasa Penilaian di Institut / Pusat / Akademi.</p> <p>ii. Diperakukan oleh Jawatankuasa Pemilih (Penyelidik)</p> <p>iii. Diluluskan oleh Pihak Pengurusan Universiti</p>	<p>i. Calon-calon adalah terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara.</p> <p>ii. Mempunyai rekod penyelidikan yang cemerlang.</p> <p>iii. Mempunyai kepakaran yang diperlukan oleh Institut / Pusat / Akademi untuk tujuan penyelidikan.</p>	<p>i) Menjalankan kerja penyelidikan termasuk perundingan dalam bidang kepakarannya.</p> <p>ii) Menyelia di peringkat pasca-siswazah.</p> <p>iii) Membantu dalam usaha mendapatkan lebih banyak peruntukan penyelidikan.</p> <p>iv) Membantu di dalam penajaan projek-projek baru di Institut / Pusat / Akademi.</p> <p>v) Mentor kepada penyelidik baru.</p> <p>vi) Membantu membangunkan pengkomersialan hasil penyelidikan.</p> <p>vii) Membangunkan jaringan/rangkaian penyelidikan dengan pihak luar.</p>	<p>i. Terma lantikan : Sepenuh masa</p> <p>ii. Tempoh : 1 hingga 3 tahun dan boleh dilantik semula. (Merujuk kepada Petikan Minit PPU kali ke-274 pada 26 September 2007, cadangan pemindaan tempoh lantikan ini telah diperakukan)</p> <p>iii. Imbuhan bulanan : UDQ5 - RM18 000.00 UDQ6 - RM16 000.00 UDQ7 - RM14 000.00 UDQ8 - RM9000.00 UDQ9 - RM8000.00 (Fix all in)</p> <p>iv. Kemudahan Perubatan : Untuk diri sendiri sahaja sama ada di Klinik Panel atau Hospital Kerajaan.</p> <p>v. Tambang Penerbangan : Kelas perniagaan untuk Penyelidik Utama dan Penyelidik Kanan manakala kelas ekonomi untuk Penyelidik (pegawai sahaja).</p> <p>vi. Cuti : 30 hari setahun</p>

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	TUJUAN PELANTIKAN	SYARAT PELANTIKAN	KRITERIA	BIDANG TUGAS	SYARAT PERKHIDMATAN
6.	Felo Perunding GRED UDC (Penempatan di Fakulti)	Skim ini diwujudkan untuk melantik calon-calon yang terkemuka dalam bidang kepakarannya untuk memberi perkhidmatan kepada Universiti, dan kepakaran dan pengalaman mereka yang akan dapat memberi faedah dan manfaat kepada Universiti	<ul style="list-style-type: none"> i. Diperakukan oleh Jawatankuasa Penilaian di Fakulti ii. Diluluskan oleh Pihak Pengurusan Universiti 	<p>Calon-calon adalah terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara.</p> <p>a) <u>Felo Perunding Utama</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i) Mencapai tahap kecemerlangan yang sangat terkemuka mutunya. ii) Memiliki pengalaman yang luas dalam bidang kepakarannya. <p>b) <u>Felo Perunding Kanan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i) Mencapai tahap kecemerlangan yang terkemuka mutunya. ii) Memiliki pengalaman yang luas dalam bidang kepakarannya. <p>c) <u>Felo Perunding</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i) Mencapai tahap kecemerlangan yang istimewa mutunya. ii) Memiliki pengalaman yang luas dalam bidang kepakarannya. 	<ul style="list-style-type: none"> i) Menjalankan kerja-kerja perundingan dalam bidang kepakarannya. iii) Mendapatkan jaringan dan rangkaian hubungan dengan pihak luar. iii) Membantu kerja-kerja pengajaran dan perundingan di Fakulti. 	<ul style="list-style-type: none"> i. Terma lantikan : Sepenuh masa ii. Tempoh : 1 hingga 3 tahun dan boleh dilantik semula. iii. Imbuan bulanan : <ul style="list-style-type: none"> UDCK - Akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pelantikan UDC5 - RM18 000.00 UDC6 - RM16 000.00 UDC7 - RM14 000.00 UDC8 - RM9 000.00 (Fix all in) Kemudahan Perubatan : Mengikut kelayakan. iv. Tambang Penerbangan : Mengikut kelayakan. v. Cuti : 30 hari setahun
7.	Kursi KOD UDI (Penempatan di Fakulti)	Skim ini diwujudkan bagi mendapatkan pegawai akademik dan bukan akademik yang pakar, berpengalaman dan tersohor dalam bidangnya yang dapat memberi manfaat kepada Universiti.	<ul style="list-style-type: none"> i) Diperakukan oleh Jawatankuasa Pemilih ii) Diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti 	<ul style="list-style-type: none"> i) Calon-calon adalah terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara. ii) Mempunyai rekod perkhidmatan yang cemerlang. iii) Mempunyai kepakaran yang diperlukan oleh Universiti untuk tujuan penyelidikan, perundingan, pengajaran dan pembelajaran. 	<ul style="list-style-type: none"> i) <i>Liason work</i> dengan agensi ii) Mengetuai penyelidikan/ perundingan iii) Memberikan <i>Public Lecture</i> iv) Memberikan seminar v) Memberikan latihan vi) Mentor kepada Pensyarah baharu 	<ul style="list-style-type: none"> i) Terma lantikan : Sepenuh masa atau separuh masa ii) Tempoh : 1 tahun dan boleh dilanjutkan iii) Imbuan bulanan : Honorarium akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemilih iv) Kemudahan Perubatan : Mengikut kelayakan v) Tambang Penerbangan : Mengikut kelayakan vi) Cuti : 30 hari setahun

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	TUJUAN PELANTIKAN	SYARAT PELANTIKAN	KRITERIA	BIDANG TUGAS	SYARAT PERKHIDMATAN
8.	Pembantu Pengajar KOD UDP (Penempatan di Fakulti dan Pusat Asasi)	Skim ini diwujudkan untuk melantik pegawai warganegara Malaysia yang mempunyai kelayakan bagi membantu pensyarah dalam menjalankan tugas-tugas pengajaran dan pembelajaran.	(i) Diperakukan oleh Jawatankuasa Penilaian di Fakulti / Pusat . (ii) Diluluskan oleh Pihak Pengurusan Universiti.	i. Calon-calun adalah terbuka kepada warganegara. ii. Calon mempunyai kelulusan akademik sekurang-kurangnya pada peringkat Bachelar dalam bidang berkenaan, dan memperolehi CGPA tidak kurang daripada 3.0	i. Membantu aktiviti pengajaran sekurang-kurangnya 12 jam seminggu- ii. Membantu pensyarah menyediakan kertas soalan, skema jawapan dan penilaian kursus. iii. Menghadiri mesyuarat dan aktiviti sebagai ahli turut hadir. iv. Tambahan tugas lain yang akan ditetapkan oleh Fakulti.	i) Terma lantikan : Sepenuh masa ii) Tempoh : 1 tahun dan boleh dilanjutkan iii) Imbuan bulanan : Honorarium RM2500.00 vi) Kemudahan Perubatan : Untuk diri sendiri sahaja sama ada di Klinik Panel atau Hospital Kerajaan. v) Cuti : 30 hari setahun